



Edisi 20 September 2025



**Uitm Pemacu  
Transformasi**

**Penghargaan  
Buat Alumni**

**Impian Murni  
Pereka Fesyen**

# MINAT TERHADAP PERNIAGAAN MENDORONG AMZAR AIRIL BERGELAR USAHAWAN



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Ahmed Amzar Airil Ahmed Mazdan merupakan seorang graduan berusia 23 tahun dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan di UiTM Cawangan Kedah membuktikan kejayaannya di dalam dunia akademik dan juga dunia keusahawanan dengan mengenggam ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Perniagaan Antarabangsa pada Istiadat Konvokesyen ke-102 UiTM.

Amzar Airil mempunyai perniagaan baju yang diberi nama Axisto sejak peringkat matrikulasi. Namun, pada mulanya, perniagaan itu hanyalah dijalankan secara biasa tanpa ada satu jenama kukuh, kerana baginya itu sekadar perniagaan biasa.

Mulanya beliau memulakan perniagaan itu secara ready stock, Axisto itu kini beralih ke fasa menerima tempahan custom. Semenjak itu, tempahan yang diterima oleh Axisto melebihi jangkaan mereka sendiri. Bagi Amzar Airil, beliau mengakui dunia keusahawanan ini penuh dengan cabarannya sendiri.

“Dalam dunia perniagaan, cabaran besar itu datangnya dari pesaing, kadang itu ada dari kalangan yang rapat. Lagi pahit, bila orang yang sengaja buat kit ani macam tak bagi yang terbaik kepada umum,” ujarinya. Namun di sebalik cabaran itu, Amzar Airil turut berbangga dengan pencapaian pada keuntungan semata.

Amzar Airil berkongsi pengalaman mengendalikan pertunjukan fesyen di UiTM Kedah, di mana mereka mengambil 28 pelajar sebagai model. Acara itu bukan sekadar mempromosikan jenama mereka, tetapi turut membina portfolio untuk para pelajar tersebut. “Rezeki dia orang datang juga. Yang tu bagi saya benda yang paling besar yang saya rasa saya capai selama saya berbisnes,” jelas Amzar Airil.

Beliau menasihatkan generasi muda yang berminat untuk menceburi dunia perniagaan tidak memilih untuk jadi orang lain, sebaliknya kekalkan identiti diri sendiri. Pergaulan Bersama rakan itu penting tapi baginya, akar memilih rakan yang baik dan boleh menyokong kit aitu adalah dasar utama. Beliau juga menekankan kepentingan untuk sentiasa memberi semangat kepada rakan-rakan, bukan sahaja menerima sokongan daripada mereka.



*Ahmed Amzar Airil Ahmed Mazdan*



#### SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

**Penasihat**  
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,  
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

**Penasihat Editorial**  
En Abuzar Abdul Halim,  
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

**Ketua Editor**  
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,  
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi  
dan Pengajian Media

**Ketua Wartawan**  
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

**Wartawan**  
Aidil Adha bin Abdullah  
Amni Harith bin Badrul Hisyam

**Pereka Grafik**  
Muhammad Sahil bin Sulaiman  
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

**Fotografi**  
Pejabat Komunikasi Strategik

**Unit Perhubungan Awam dan Media**  
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh  
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM  
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian  
Media UiTM*